



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**JERAYAWARA MENGENAI PROFESION PERAKAUNAN**

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama *Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants* (BICPA) telah mengadakan Jerayawara Mengenai Profesion Perakaunan pada hari Khamis, 24hb Julai 2025, bertempat di *Student Learning and Service Centre* (SLSC), Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.
2. Jerayawara ini disasarkan kepada para pelajar institusi berkenaan, dengan tujuan memberikan pendedahan awal terhadap profesion, memupuk minat, serta menggalakkan mereka untuk mula merancang laluan akademik ke arah kerjaya dalam bidang perakaunan selepas tamat pengajian.
3. Program ini menampilkan sesi perkongsian oleh Yang Mulia Dayang Adeline Lau Pik Wen, Pengarah Akademi BICPA, yang berkongsi tentang pengalaman dan perjalanan profesionalnya. Beliau turut menekankan pentingnya memperoleh kualifikasi yang diakui secara global seperti *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), serta memberikan gambaran tentang pelbagai peluang kerjaya dalam profesion ini termasuk sebagai juruaudit, penasihat cukai, penganalisa kewangan dan pakar runding.
4. Di samping sesi perkongsian, para pelajar turut menyertai aktiviti interaktif yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai bidang perakaunan, diikuti dengan sesi soal jawab yang memberikan ruang interaksi dan penjelasan lanjut mengenai topik yang dibincangkan.
5. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MOFE dan BICPA untuk mempromosikan profesion perakaunan serta menyokong pembangunan bakat masa depan dalam sektor kewangan dan perkhidmatan profesional di Negara Brunei Darussalam.

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:  
Bahagian Hasil  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam  
Emel: [revenue@mofe.gov.bn](mailto:revenue@mofe.gov.bn)

Rujukan: H/INT/18 & H/KORP/27  
Tarikh: 28 Muharram 1447 / 24 Julai 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**ROADSHOW ON THE ACCOUNTING PROFESSION**

1. The Ministry of Finance and Economy (MOFE), in collaboration with the Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA), held a Roadshow on the Accounting Profession on Thursday, 24<sup>th</sup> July 2025 at the Student Learning and Service Centre (SLSC), Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah College.
2. The roadshow was targeted at students of the institution, with the aim of providing early exposure to the accounting profession, fostering interest, and encouraging them to begin planning their academic pathways towards a career in accounting upon graduation.
3. The programme featured a sharing session by Yang Mulia Dayang Adeline Lau Pik Wen, Director of BICPA Academy, who spoke about her professional journey and experiences. She highlighted the value of obtaining globally recognised qualifications such as the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), and provided insights into the wide-ranging career opportunities within the profession, including roles such as auditor, tax advisor, financial analyst, and consultant.
4. In addition to the sharing sessions, students participated in interactive activities aimed at enhancing their understanding of the accounting field, followed by a question-and-answer sessions which provided further engagement and clarification on the topics discussed.
5. This initiative forms part of MOFE and BICPA's ongoing effort to promote the accounting profession and to support the development of future talent within Brunei Darussalam's finance and professional services sector.

**-END-**

Prepared by:  
Revenue Division  
Ministry of Finance and Economy  
Negara Brunei Darussalam  
Email: [revenue@mofe.gov.bn](mailto:revenue@mofe.gov.bn)

Reference: H/INT/18 & H/KORP/27  
Date: 28 Muharram 1447 / 24 July 2025